



**INISIATIF**

**LELAKI**

**QAWWAM**

Hakcipta@ 2023  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Hakcipta terpelihara, sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa cara yang boleh digunakan lagi ataupun dipindahkan dalam sebarang cara, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakam dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

Diterbitkan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya,  
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,  
Presint 3, 62100, Putrajaya

No. Tel: 03-8870 7000

No. Faks: 03-8870 7707

Laman Web: [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-983-042-688-4



# **ISI KANDUNGAN**

<b>KATA ALUAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)</b>	<b>06</b>
<b>KATA ALUAN KETUA PENGARAH JAKIM</b>	<b>07</b>
<b>PENDAHULUAN</b>	<b>10</b>
Latar Belakang	11
Objektif Dokumen	17
Matlamat	17
Konsep	18
i. Prinsip Islam	
ii. Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara	
iii. Merentasi kaum dan generasi	
iv. Holistik, komprehensif, sejahtera dan relevan	
v. Kolaboratif dan pelaksanaan secara kolektif	
<b>ISU DAN CABARAN</b>	<b>19</b>
Kelemahan Kefahaman dan Penghayatan Agama	21
Masalah Kesihatan	23
Kepincangan Pengurusan Diri dan Keluarga	26
Ingkar Ilmu	28
Ketidakstabilan Sosioekonomi	30

<b>LELAKI QAWWAM</b>	<b>32</b>
<b>Definisi</b>	<b>31</b>
<b>Peranan Lelaki dalam Keluarga</b>	<b>34</b>
i. Pemimpin Keluarga	
ii. Peneraju Keluarga	
<b>Teras Lelaki Qawwam</b>	<b>34</b>
i. Aqidah	
ii. Syariah	
iii. Akhlak	
<b>Ciri-ciri Lelaki Qawwam</b>	<b>36</b>
i. Adil	
ii. Perkasa	
iii. Amanah	
iv. Wibawa	
v. Tekad	
vi. Penyantun	
vii. Futuristik	
<b>MEKANISME PELAKSANAAN</b>	<b>37</b>
<b>Matlamat Mekanisme Pelaksanaan</b>	<b>38</b>
<b>Faktor Penentu Kejayaan</b>	
Pelan Komunikasi	<b>40</b>
<b>MEKANISME PENILAIAN</b>	<b>42</b>
<b>PENUTUP</b>	<b>44</b>

## MESEJ MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

“

Kerapuhan institusi kekeluargaan hari ini sehingga menyumbang kepada masalah sosial menuntut supaya pendekatan lelaki Qawwam (bertanggungjawab) diperkasakan. Tiba masanya tumpuan khusus diberikan kepada program pembinaan jati diri dan kualiti lelaki Qawwam dengan memperkasa mereka sebagai pemimpin, pelindung dan pembela kepada wanita, ahli keluarga dan masyarakat.

”

SEMINAR LELAKI QAWWAM  
PERINGKAT KEBANGSAAN  
2022 PADA 21 JULAI 2022  
DI MASJID WILAYAH  
PERSEKUTUAN

## MESEJ KETUA PENGARAH JAKIM

“

Inisiatif Lelaki Qawwam merupakan satu program di bawah Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI) 2019-2025 melalui Teras 1 iaitu Pengukuhan Institusi Keluarga dan Sosial dalam usaha memperkasakan peranan lelaki pada hari ini. Dokumen ini merupakan panduan dalam membina lelaki qawwam dimulai pada peringkat awal kehidupan seseorang lelaki. Seterusnya jaringan kerjasama strategik antara agensi adalah amat signifikan dalam memastikan inisiatif yang dirangka dapat dilaksanakan dengan sempurna.

”

PERSIDANGAN MEJA BULAT  
INISIATIF LELAKI QAWWAM  
PADA 30 NOVEMBER 2021

**PELAN TINDAKAN****TERAS 1: PENGUKUHAN INSTITUSI**

**PEMIMPIN KELUARGA  
(WALI, MURABBI)**

**LELAKI**

**MATLAMAT**

Memperkuuh tanggungjawab dan menyerlahkan peranan lelaki dalam mentadbir diri, keluarga, organisasi dan masyarakat

Memperkasa kepimpinan dan keupayaan lelaki bagi melahirkan keluarga, masyarakat dan negara yang sejahtera

**CIRI-CIRI**

**Adil** عدل

Menunaikan hak-hak keluarga dan masyarakat

**Perkasa** قوي

Mempunyai sifat kelelakian dan kekuatan jasmani, rohani dan aqli

**Amanah** أمين

Mempunyai sifat boleh dipercayai, amanah dan berintegriti

**Wibawa** عزيز

Memiliki keupayaan dan kewibawaan lelaki

**TERAS**

**AKIDAH**

Menjalani kehidupan berlandaskan tuntutan syariah

**SYARIAH**

Berpegang teguh pada akidah yang sebenar dan mengamalkan tuntutan syariah sebagai gaya hidup dalam keluarga

# SOSIAL ISLAM

## KELUARGA DAN SOSIAL

### QAWWAM

### PENERAJU KELUARGA (QUDWAH, USWAH)

Meningkatkan keterlibatan semua pihak dalam membina institusi keluarga yang sejahtera

Melahirkan kaum lelaki yang memiliki akhlak dan peribadi unggul dari segi rohani, jasmani, emosi dan aqli yang mempunyai wibawa sebagai penggerak kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara

#### Tekad حريص

Bertekad dan bersungguh-sungguh dalam memelihara akidah, kebijakan dan keselamatan keluarga

#### Penyantun رءوف

Menyantuni dan cakna kepada masalah keluarga serta masyarakat

#### Futuristik أولى الأ بصار

Sentiasa berwawasan dan berpandangan jauh

### AKHLAK

Memiliki sifat mulia, bersikap lemah lembut dan bersifat ihsan supaya menjadi contoh ikutan yang baik sebagai ketua keluarga

## BAB 1 | PENDAHULUAN

## LATAR BELAKANG

Lelaki adalah insan yang diciptakan Allah SWT untuk memikul tanggungjawab utama dalam meneraju institusi keluarga dan memimpin masyarakat. Peranan lelaki sebagai pemimpin yang bertanggungjawab amat penting bagi memastikan kesejahteraan keluarga, keharmonian masyarakat dan kemajuan negara dalam mencapai kebahagiaan hakiki.



Kaum lelaki dicipta dengan kelebihan tertentu untuk menjadi pemimpin kepada kaum wanita. Kelebihan ini meliputi kemampuan, kekuatan, fitrah, dan tabiat penciptaan lelaki yang berbeza daripada wanita. Firman Allah SWT di dalam surah al-Nisa' ayat 34 yang bermaksud:

*"Kaum lelaki adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian daripada harta mereka."*

Walaupun kaum lelaki dan wanita mempunyai hak yang sama, namun Islam memberikan kelebihan kepada kaum lelaki untuk memikul tanggungjawab memimpin dan melindungi wanita sebagaimana surah al-Baqarah ayat 228 yang bermaksud:

*"Dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajipannya dengan cara yang makruf. Akan tetapi para lelaki mempunyai satu darjah tingkatan dari wanita."*

Daripada tafsiran ini, secara umumnya tanggungjawab yang digalas kaum lelaki amat besar dan berat dalam menentukan kestabilan institusi keluarga. Secara langsung mahupun tidak langsung, ia memberikan impak tersendiri kepada kesejahteraan masyarakat yang menjurus kepada kemakmuran negara. Bagi memikul tanggungjawab dan peranan yang besar ini, kaum lelaki perlu memiliki ciri-ciri lelaki qawwam.

New Sabah Times SEMASA  
**Kadar jenayah dalam kalangan remaja meningkat: Polis**

JOHOR BAHRU: Kadar jenayah dalam kalangan remaja khusus pelajar sekolah rendah (PR) meningkat sebanyak 149 peratus pada tempoh empat tahun terakhir pertama dalam berhadapan tempat yang sama dalam lepas kata Perdana Jeneral Polis (PJP) Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Belia berkata jumlah kes dalam tempoh ini tahun lalu tidak setiap bulan 375 kes berbanding 873 kes dalam tempoh yang sama tahun ini.

"Angka tersebut diturut tidak bersifat tetapi wajar dibentangkan untuk mengingat pelajar sekolah terlibat dengan aktiviti jenayah yang boleh menyebabkan dan merosakkan segi-

menurut ilmu," katanya selepas menghadiri semina Guru Penasihat Kedah Persekutuan Terimbang Sekolah PR di sini semalam.

Mengikut belia, pelajar sekolah rendah melakukan pelbagai pelaku-

jenayah seperti pengangkutan dan koupa gelap yang akan dikenali minit menit bagi pelajar sekolah rendah.

"Namun Ops Cante bukan sahaja dapat memberi penjelasan bahawa kalangan remaja juga tetap merupakan pengangguran dalam kalangan pelajar sekolah rendah di dalam kawasan sekolah," katanya.

Apabila berbincang dengan turut hadirnya Ketua Pengköpas Jenayah (KPJ), pihak sekolah akan dapat membantu polis memungkinkan maklumat dan kerjasama dalam

menangani jenayah yang melibatkan pelajar.

Sementara itu belia berkata kerajaan perlu memperbaiki peraturan dan sistem penyelesaian kaserahan polis sekitar 10,000 yang pengangguran sedang dilanjut dan dilantik sebagai anggota polis dan sebahagian mereka laman sesawang rasmi Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Selain itu, kerajaan perlu memberi sebagi pilihan tetapi juga merafa sama besar dengan anggota polis dalam menduduki jawatan pentadbiran jenayah."

Terutamanya di seminar ini iaitu Ketua Polis Johor Darul Makmur Datuk Seri Dr. Mohd Fadzil bin Negep, Johor Menteri Negara Dr. Ghani dan Nahib Pengiraan Yayan dan Penggalan Jenayah Malaysia Dato' Kamariah Md Ali. -beritaAstro

Namun, realiti yang berlaku dalam masyarakat kita pada hari ini menunjukkan sifat qawwam pada kaum lelaki semakin terhakis. Masyarakat mengalami krisis akhlak yang sangat membimbangkan. Antara masalah sosial yang sering melanda institusi keluarga adalah perceraian, keganasan rumah tangga,



jenayah juvana, pengabaian tanggungjawab dan lain-lain. Statistik pada tahun 2019 oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga merekodkan seramai 4,543 orang kanak-kanak lelaki terlibat dalam jenayah juvana berbanding 290 orang kanak-kanak perempuan. Menurut statistik, golongan lelaki lebih kerap terlibat dalam masalah sosial berbanding golongan perempuan seperti salah laku jenayah juvana, minum arak, judi, gejala dadah, dan yang terlibat dengan amalan songsang seperti lesbian, gay, bisexual dan transgender (LGBT) serta mempunyai kekeliruan gender diantaranya.



sesosial berbanding golongan perempuan seperti salah laku jenayah juvana, minum arak, judi, gejala dadah, dan yang terlibat dengan amalan songsang seperti lesbian, gay, bisexual dan transgender (LGBT) serta mempunyai kekeliruan gender diantaranya.



Manakala, statistik kes keganasan rumah tangga tahun 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan pelaku keganasan rumah tangga didominasi oleh kaum lelaki sebanyak 1157 kes daripada jumlah keseluruhan 1234 kes. Hal ini turut dibuktikan oleh statistik aduan kekeluargaan di Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) dari tahun 2020 hingga 2022 menunjukkan kaum wanita lebih ramai iaitu sebanyak 9,824 kes berbanding kaum lelaki membuat aduan sebanyak 4,147 kes. Antara punca aduan dibuat ialah suami cuai atau gagal

memberikan nafkah kepada isteri dan anak-anak. Terdapat juga kes-kes di mana suami panas baran dan isteri menjadi mangsa pukul. Sewajarnya, suami memainkan peranan sebagai pelindung kepada ahli keluarga serta memberikan nafkah makan pakai yang cukup.


Berdasarkan Handbook for National Action Plans on Violence Against Women, kebanyakan keganasan terhadap wanita dilakukan oleh orang yang dikenali wanita tersebut dan keganasan yang paling kerap adalah dilakukan oleh pasangan wanita yang merangkumi suami, bekas suami atau teman lelaki.



Hal ini turut dibuktikan melalui Analisis Laporan Akhbar Terhadap Isu-isu Wanita di Malaysia Pasca Pandemik Covid-19 (2022), yang jelas membuktikan daripada lima isu yang dikenalpasti, isu kekeluargaan dan isu keganasan rumah tangga membabitkan wanita melibatkan aduan kes isteri dikurung, dipukul, dicekik, termasuk penderaan seksual menunjukkan peningkatan ketara sepanjang tahun 2020 dan 2021.

Namun, berdasarkan prestasi Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia pada tahun 2021, masyarakat negara ini berada pada tahap bahagia dengan skor 6.48 mata dan ternyata tiga komponen memaparkan skor tertinggi, meliputi bahagia bersama keluarga (7.23), amalan kerohanian (7.21) dan kesihatan (6.75).

Dapatkan ini merupakan petunjuk yang jelas bahawa keupayaan kepimpinan kaum lelaki sebagai ketua keluarga amat signifikan dalam memastikan kebahagiaan rumah tangga, yang berupaya menyumbang kepada keharmonian masyarakat dan pembangunan negara. Pemerksaan kepimpinan dan keupayaan lelaki menjadi elemen utama bagi melahirkan keluarga, masyarakat dan negara yang sejahtera.



Lantaran demikian, JAKIM mewujudkan Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI) yang merupakan salah satu langkah proaktif bagi menangani gejala sosial dalam kalangan masyarakat Islam dengan lebih berstrategi dan berkesan melalui kerjasama strategik di antara agensi-agensi berkaitan. Inisiatif Lelaki Qawwam (ILQ) yang diwujudkan turut dijadikan sebagai salah satu strategi melalui Teras 1 di dalam pelan ini melalui strategi Pengukuhan Institusi Keluarga dan Sosial.

Inisiatif ini diwujudkan bagi memperkuuhkan tanggungjawab dan keupayaan lelaki sebagai ketua keluarga dan pemimpin, yang dilihat berupaya menentukan kekuatan dan kestabilan pembangunan sosial serta ekonomi negara. Pelaksanaan inisiatif ILQ juga adalah sejajar dengan pembangunan masyarakat MADANI yang berteraskan rukun, kemampunan, kesejahteraan, daya cipta,

hormat, keyakinan dan ihsan. Kemampuan kaum lelaki untuk mencapai kesejahteraan dunia dan ukhrawi dengan mengimbangkan keperluan jasmani dan rohani akan membentuk kesejahteraan keluarga, masyarakat seterusnya negara.

Bagi memastikan inisiatif ini dilaksanakan secara kolektif dan sistematik, JAKIM turut memperkenalkan Pelan Komunikasi Inisiatif Lelaki Qawwam dalam usaha memperkuuhkan institusi keluarga dan sosial melalui pemerkasaan jalinan kerjasama secara komprehensif antara agensi dan kementerian yang terlibat. Justeru, kerangka yang lebih terperinci meliputi definisi, matlamat, konsep, ciri-ciri lelaki qawwam, strategi pelaksanaan dan mekanisme penilaian dibentuk termasuk kerangka (*house of framework*).



## OBJEKTIF DOKUMEN

Menjadi rujukan utama kepada pembuat dasar dan pelaksana dalam merancang program/ aktiviti inisiatif lelaki qawwam

1

Memperluaskan pelaksanaan inisiatif secara komprehensif, berstrategi dan berkesan

Memastikan dilaksanakan inisiatif secara kolektif dan sistematis

3

Memastikan pelaksanaan inisiatif dipantau secara berterusan serta dinilai dari semasa ke semasa.

## MATLAMAT

Memperkuuh tanggungjawab dan menyerlah peranan lelaki dalam mentadbir diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Memperkasa kepimpinan dan keupayaan lelaki bagi melahirkan keluarga, masyarakat dan negara yang sejahtera.

Melahirkan kaum lelaki yang memiliki akhlak dan peribadi unggul dari segi rohani, jasmani, emosi dan aqli yang berwibawa sebagai penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran agama, bangsa dan negara.

# KONSEP

## PRINSIP ISLAM

**1**

Pelaksanaan inisiatif berdasarkan prinsip Islam demi menjaga maslahah/kepentingan individu, keluarga dan masyarakat.

**2**

## PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN RUKUN NEGARA

Pelaksanaan inisiatif dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara dengan mengambilkira nilai-nilai murni masyarakat majmuk Malaysia.

**3**

## MERENTASI KAUM DAN GENERASI

Pelaksanaan inisiatif merentasi kaum dan generasi dengan merujuk kepada fasa-fasa berikut:

Fasa 1: Kanak-kanak

Bermula sejak dari dalam kandungan ibu hingga berusia 18 tahun.

Fasa 2: Belia

Bermula sejak berumur 19 tahun hingga 30 tahun.

Fasa 3: Dewasa

Bermula dari umur 31 tahun hingga 59 tahun.

Fasa 4: Warga Emas

Individu yang berusia 60 tahun ke atas.

**4**

## HOLISTIK, KOMPREHENSIF, SEJAHTERA DAN RELEVAN

Pelaksanaan inisiatif mengambilkira pelbagai aspek, cabaran dan situasi semasa selari dengan fitrah mengikut bidang keutamaan dalam pendidikan, kepemimpinan, gaya hidup sihat dan seimbang.

**5**

## KOLABORATIF DAN PELAKSANAAN SECARA KOLEKTIF

Pelaksanaan inisiatif merentasi kementerian, agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) berdasarkan kesesuaian bidang kuasa dan fungsi masing-masing.



## BAB 2 | ISU DAN CABARAN

1

## AGAMA

Kelemahan Kefahaman  
dan  
Penghayatan Agama

2

## NYAWA

Masalah Kesihatan

3

## KETURUNAN

Kepincangan Pengurusan  
Diri dan Keluarga

4

## AKAL

Ingkar Ilmu

5

## HARTA

Jurang Sosioekonomi

## KELEMAHAN KEFAHAMAN DAN PENGHAYATAN AGAMA

Agama ditakrifkan sebagai suatu bentuk ajaran, fahaman dan seumpamanya yang berhubungkait dengan pegangan atau kepercayaan dari aspek beragama seseorang individu. Ia memainkan peranan penting dalam membentuk pandangan semesta dan budaya hidup seseorang individu serta masyarakat.

Malah ia juga berperanan sebagai satu sistem yang sistematik dalam mengatur kehidupan manusia bagi menentukan keberhasilan matlamat hidup di dunia dan akhirat.

Namun, matlamat akhir kehidupan adalah sukar dicapai sekiranya lelaki yang merupakan salah satu unit asas keluarga mempunyai kelemahan dari aspek kefahaman dan penghayatan

agama. Penekanan kepada kaum lelaki dalam konteks pembinaan kehidupan keluarga sejahtera adalah bersesuaian dengan peranan seseorang lelaki sebagai pemimpin dan peneraju

keluarga, di mana padanya tugas dan tanggungjawab yang besar. Isu kelemahan kefahaman dan penghayatan beragama akan menjurus kepada kekurangan serta ketidakmampuan seorang lelaki dalam mengemudi diri terutamanya ke arah kesejahteraan dan keharmonian hidup. Ia turut mengakibatkan konflik pegangan agama, perbezaan aliran pemikiran mahupun penolakan terhadap agama. Kesemua ini berpunca daripada tahap kefahaman dan penghayatan yang lemah kaum lelaki di dalam ajaran Islam merangkumi akidah, syariah dan akhlak.

Solusi bagi mengatasi isu tersebut kaum lelaki perlu meningkatkan kesedaran dalam memahami dan menghayati asas akidah, syariah dan akhlak. Seterusnya, langkah pengukuhan akidah dengan mendalami ilmu agama dan memperbaiki kefahaman beragama melalui program-program ilmu yang diiktiraf. Kaum lelaki yang mantap pegangan agama berlandaskan keimanan teguh kepada Allah SWT akan memberikan impak positif kepada diri dan kesejahteraan serta keharmonian kehidupan berkeluarga.



## MASALAH KESIHATAN

Aspek kesihatan merupakan faktor penting dan perlu diberikan keutamaan dalam pembinaan keluarga sejahtera seterusnya membentuk masyarakat yang harmoni. Kebolehcapaian tahap kesihatan yang baik bergantung kepada penjagaan kesihatan secara fizikal, psikologi dan jiwa oleh setiap individu. Sokongan dan pengawalan pencegahan penyakit juga merupakan intervensi paling berkesan sehingga kini.



Kesihatan fizikal merupakan elemen kesihatan yang paling utama dalam membina kesejahteraan hidup berkeluarga. Permasalahan krisis penyakit secara fizikal kebiasaannya berpunca daripada pemakanan dan gaya hidup tidak sihat yang menyumbang kepada risiko individu menghidapi penyakit seperti kencing manis, jantung, darah tinggi, kanser dan sebagainya. Amalan harian yang tidak sihat seperti merokok, diet berlebihan, sentiasa bersikap negatif dan berkelakuan di luar kebiasaan juga turut

dikaitkan dengan masalah penyakit kronik tersebut. Kaum lelaki terutamanya sebagai pelindung keluarga perlu mempunyai kesihatan yang baik bagi memberi perlindungan dan kebahagiaan berpanjangan kepada seluruh ahli keluarga.

Kesihatan psikologi dan jiwa pula merupakan elemen yang menjadi tunggak kepada kekuatan fizikal. Aspek psikologi merangkumi corak pemikiran dan tingkah laku manusia dalam membantu perkembangan kesihatan manusia sama ada dari sudut mental, fizikal, psikologi dan spiritual. Ini bermaksud bahawa seseorang individu secara psikologi adalah sihat apabila fizikalnya adalah sihat serta mampu menjalani kehidupan sehari-hari dalam pelbagai aspek kehidupan dengan baik. Antaranya adalah kemampuan untuk mengawal emosi, mental, perasaan dan juga kemahiran dalam berinteraksi dengan individu yang lain. Kebolehupayaan komunikasi seseorang itu sangat berkait rapat dengan tahap kesihatan psikologi.



Krisis kesihatan turut berpunca daripada pelbagai faktor dalaman dan luaran seperti persekitaran yang tidak sihat, tempat kerja yang tidak harmoni, masalah rumah tangga, perceraian dan sebagainya.

Permasalahan ini perlu diuruskan sebaik mungkin, antaranya dengan mengoreksi kembali amal ibadah, mempertingkatkan penghayatan sebagai seorang muslim yang sejati, mengukuhkan akidah, mengamalkan gaya kehidupan yang sihat dan seumpamanya.

Selain itu, nasihat dan bantuan pakar sangat penting kerana aspek kesihatan sangat penting bagi seseorang lelaki terutamanya dalam menguruskan sebuah keluarga, masyarakat dan negara. Malah, kesihatan termasuk dalam maqasid *al-syariah dharuriyat* di bawah kategori keperluan asas iaitu *hifz al-nafs* yang perlu dipelihara dengan baik.



## KEPINCANGAN PENGURUSAN DIRI DAN KELUARGA

Isu kepincangan pengurusan diri dan keluarga dilihat sebagai ketidakmampuan yang merupakan salah satu kelemahan kaum lelaki dalam mengemudi hala tuju diri serta keluarga. Bagi melahirkan keluarga sejahtera, mawaddah dan rahmah, golongan lelaki yang terdiri daripada susunan wali nasab merangkap sebagai pemimpin keluarga perlu mempunyai kemahiran pengurusan keluarga yang efektif serta sistematik dari pelbagai aspek secara berterusan dan menyeluruh.



Kegagalan mahupun kelemahan seseorang lelaki dalam mengemudikan diri dan keluarga berteraskan acuan Islam, secara langsung mencetuskan konflik di kalangan ahli keluarga sehingga menyumbang kepada permasalahan kerapuhan institusi keluarga dan keruntuhan moral pada hari ini.

Justeru, peranan lelaki sebagai pemimpin dan wali keluarga perlu diperkasa malah diperkuatkan berteraskan ajaran Islam yang merangkumi aspek akidah, syariat dan akhlak.

Antaranya dengan memperkasakan penghayatan nilai-nilai murni seperti sifat penyayang, saling percaya mempercayai, saling bantu membantu, saling memahami, mengamalkan komunikasi berkesan, sentiasa mewujudkan suasana harmoni dan ceria, saling bertolak ansur, mengutamakan masa yang berkualiti

bersama keluarga dan seumpamanya. Begitu juga, seorang lelaki bergelar bapa terutamanya perlu menjadi seorang murabbi kepada keluarganya dalam usaha mendidik dan mentarbiah anak isteri demi kemaslahatan bersama. Proses didikan dan tarbiah ini perlu dilaksanakan bersandarkan acuan Islam yang sebenar secara berterusan.



Di samping itu, golongan lelaki seperti kaum bapa juga perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam menangkis faktor luaran yang bersifat negatif sepanjang proses pembinaan keluarga seperti ancaman ajaran sesat, budaya suka menunjuk-menunjuk, sikap menilai kebahagiaan berdasarkan kebendaan, gangguan pihak ketiga, perhubungan luar nikah, kecelaruan gender, sumbang mahram, pengaruh rakan sebaya, pengaruh sosial media dan sebagainya. Permasalahan ini dapat diatasi melalui pengukuhan akidah, kesempurnaan penghayatan ibadah, penerapan sifat syukur dan *qanaah*, didikan yang berdisiplin dan mematuhi segala larangan serta suruhan Allah SWT.

## INGKAR ILMU

Isu ingkar ilmu adalah merujuk kepada keengganan dan penolakan individu dari aspek penambahan ilmu merangkumi kepelbagaiannya ilmu kehidupan. Sikap negatif ini akan menjurus kepada kerosakan kefahaman beragama, kemerosotan akhlak dan membantutkan pembangunan sifat-sifat mahmudah. Seterusnya, ia akan memberikan impak negatif terhadap kehidupan individu terbabit secara langsung dan kegagalan dalam melindungi kemaslahatan keluarga, masyarakat serta negara.

Kaum lelaki sebagai pemimpin keluarga, adalah perlu melihat isu ini sebagai satu cabaran yang perlu diatasi sebaik mungkin. Antaranya adalah dengan mendapatkan pendidikan secara

rasmi mahupun tidak rasmi berteraskan sumber yang sahih dan diyakini. Fitrahnya, menjadi tuntutan kepada seseorang yang bergelar bapa mahupun suami berusaha mendapatkan dan menggunakan ilmu dalam membangunkan diri serta berusaha untuk memberi manfaat kepada ahli keluarga.

Begitu juga, adalah penting bagi kaum lelaki untuk memupuk dan mendidik diri dengan sifat-sifat *mahmudah*. Ia secara tidak langsung akan menghindari daripada sifat-sifat *mazmumah*. Sekali gus memberikan contoh tauladan terbaik kepada ahli keluarga demi mencapai keberhasilan keluarga sejahtera dan harmoni bersandarkan kerangka Islam.



## KETIDAKSTABILAN SOSIOEKONOMI

Isu ketidakstabilan dari aspek sosioekonomi pada hari ini menyaksikan bahawa peranan sebagai pencari nafkah bukan lagi merupakan hak mutlak kaum lelaki meskipun bergelar sebagai ketua atau pemimpin keluarga. Atas dasar keperluan hidup masa kini, kaum wanita turut memainkan peranan sebagai pencari nafkah demi menstabilkan ekonomi keluarga. Namun, situasi ini adalah pilihan dan tidak menggugurkan fungsi atau kewajiban lelaki sebagai pencari nafkah yang hakiki.



Islam turut mengharuskan kaum wanita untuk keluar bekerja apabila terdapat keperluan yang mendesak dalam situasi tertentu demi membentuk keluarga yang sejahtera dan harmoni. Permasalahan seperti jurang ekonomi antara suami isteri, masalah kewangan, kehilangan pekerjaan, pengangguran dan sebagainya akan menjuruskan kepada konflik di dalam keluarga seterusnya mengganggu struktur dan operasi institusi kekeluargaan.



Kaum lelaki sebagai pemimpin keluarga perlu mempunyai kemahiran tinggi dari aspek pengurusan kewangan kerana ia adalah salah satu elemen penting dalam menentukan kejayaan matlamat kehidupan berkeluarga. Antara langkah yang boleh diambil adalah dengan meningkatkan pengetahuan kewangan, berbelanja secara berhemah, berusaha mencari pekerjaan yang terbaik, berusaha mengeluarkan zakat dan sebagainya. Ini adalah demi memastikan kewibawaan lelaki dalam sesbuah institusi keluarga terus diperkasa demi kemaslahatan bersama.



INISIATIF LELAKI QAWWAM

## BAB 3

## LELAKI QAWWAM

Qoim قائم

Yang bersendiri, yang tidak bergantung kepada orang lain

Definisi dari sudut bahasa menurut Kamus al-Marbawi

Qawwam قوام

Penanggung , Penjaga,Pemelihara

#### Al-Qurthubi

"Kesiapan melaksanakan sesuatu dengan penuh perhatian dan kesungguhan, paralelaki (suami) dihadulukan (diberi hak kepemimpinan), kerana lelaki berkewajipan memberikan nafkah kepada wanita dan membela mereka."

#### Zamakhsyari

"Lelaki yang berkewajipan melaksanakan 'amar ma'ruf nahi munkar' kepada perempuan sebagaimana kepada rakyatnya."

#### Al-Tabari

"Penanggungjawab dalam mendidik dan membimbing isteri agar menuai kewajipannya kepada Allah mahupun suaminya."

### DEFINISI 'QAWWAM' DARI SUDUT ISTILAH MENURUT PANDANGAN ULAMA-ULAMA

#### Al-Baghawi

"Lelaki sebagai penjaga kemaslahatan, pentadbiran, dan pendidikan ahli keluarga."

#### Ibnu Ábbas

"Golongan lelaki merupakan pemimpin kepada golongan wanita dan harus ditaati sesuai dengan perintah Allah SWT."

#### Ibn Kathir

"Lelaki itu dianggap sebagai pemimpin, hakim dan pendidik kepada golongan wanita."

## PERANAN LELAKI DALAM KELUARGA

### PEMIMPIN KELUARGA

*Wali:* Merupakan lelaki yang diberi hak dan kuasa oleh syara' untuk melaksanakan tanggungjawab perwalian terhadap individu dalam kategori susunan wali nasab merangkumi segala bentuk urusan perkahwinan, pemberian nafkah, kebajikan dan pemeliharaan keturunan demi menjaga kemaslahatan bersama. Konsep perwalian turut merangkumi tanggungjawab terhadap anak yatim dalam memastikan golongan ini terbelia dan terpelihara walaupun setelah kematian wali utamanya iaitu seorang ayah. Justeru, seorang lelaki perlu mempunyai kebolehan dan kemampuan untuk memimpin keluarga demi memastikan segala keperluan serta kehendak dapat dipenuhi sebaiknya.

*Murabbi:* Perkataan *Murabbi* bermaksud pendidik. Sebahagian daripada ulama' yang mengajar akhlak, membahagikan jenis pendidik itu kepada dua; Sheikh al-Ta'lîm (guru yang mengajar ilmu) dan Sheikh al-Tarbiyyah (guru yang mengasuh dan mendidik keperibadian seseorang berdasarkan manhaj tertentu). Perlakuan seorang *murabbi* mestilah berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Justeru seorang ayah atau lelaki perlu menjadi seorang pendidik dan pembimbing serta pemimpin yang terbaik kepada anak isteri di bawah tanggungannya.

## PENERAJU KELUARGA

*Qudwah* dan *uswah*: Perkataan *uswah* didefinisikan sebagai maksud yang sama dengan *qudwah* iaitu ikutan, contoh, teladan. Manakala perkataan *Usrah* bermaksud sebagai suri teladan yang baik meliputi pelbagai urusan merangkumi ucapan, perbuatan, dan semua hal keadaan yang dicontohkan oleh baginda. Konsep teladan yang baik dinyatakan dalam al-Quran melalui terma “*uswah*” atau “*qudwah*” (contoh ikutan) yang baik dalam segenap aspek kehidupan yang ideal, sempurna dan direhui Allah SWT. Terma “teladan” dalam al-Quran disebut dengan istilah “*uswah*” dan “*Israh*” atau dengan kata “*al-qudwah*” dan “*al-qidwah*” yang bermaksud suatu keadaan ketika seseorang manusia mengikuti manusia lain dalam bentuk kebaikan atau sebaliknya. Keteladanan bermaksud hal-hal atau sesuatu yang ditiru atau dicontohi oleh seseorang daripada orang lain. Oleh itu, *Usrah hasanah* merujuk kepada contoh mulia dan mithali yang dicerminkan oleh seorang lelaki sebagai peneraju keluarga dan mampu diteladani oleh anak isteri dari pelbagai aspek peribadi mahupun tindak tanduk.

### TERAS LELAKI QAWWAM

1

**AQIDAH**  
Berpegang teguh pada akidah yang benar dan mengamalkan tuntutan syariah sebagai cara hidup dalam keluarga.

2

**SYARIAH**  
Menjalani kehidupan berlandaskan tuntutan syariah.

3

**AKHLAK**  
Berakhlik mulia, bersikap lemah lembut dan bersifat ihsan supaya menjadi contoh ikutan yang baik sebagai ketua keluarga

## CIRI-CIRI LELAKI QAWWAM

**1****عدل**

Menunaikan hak-hak keluarga dan masyarakat meliputi semua golongan bagi melindungi kemuliaan insan.

**2****قوی**

Mempunyai sifat kelelakian dan kekuatan jasmani, rohani, emosi dan aqli untuk menanggung keluarga, melaksanakan tanggungjawab kepimpinan serta mengharungi cabaran kehidupan.

**3****امین**

Mempunyai sifat boleh dipercayai, amanah serta berintegriti dalam melaksanakan tanggungjawab dan tugas berdasarkan prinsip-prinsip Islam.

**4****عزيز**

Memiliki keupayaan dan kewibawaan dalam melaksanakan tanggungjawab serta berpegang teguh dengan ajaran Islam.

**5****حریص**

Bertekad dan bersungguh-sungguh dalam memelihara akidah, kebajikan dan keselamatan keluarga serta prihatin terhadap tanggungannya demi kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

**6****رءوف**

Menyantuni dan cakna kepada masalah keluarga serta masyarakat di sekeliling dengan hikmah dan bijaksana.

**7****أولى الأ بصار**

Sentiasa berwawasan dan berpandangan jauh dalam setiap urusan kehidupan.

## BAB 4 | MEKANISME PELAKSANAAN

## MATLAMAT MEKANISME PELAKSANAAN

Mekanisme pelaksanaan adalah melalui Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI), Teras 1 Pengukuhan Institusi Keluarga dan Sosial (Strategi 1 & 2) dan Pelan Komunikasi Inisiatif Lelaki Qawwam. Bagi mencapai matlamat yang ditetapkan, terdapat strategi-strategi yang digariskan dalam melaksanakan inisiatif ini sebagaimana berikut:

1

Mengarusperdanakan kepentingan tanggungjawab dan peranan lelaki sebagai wali.

Meningkatkan komitmen kaum lelaki dalam memberi nafkah melalui kerjasama termasuk penggubal dasar, pembuat keputusan dan pihak penguat kuasa di sektor awam serta swasta.

2

Mengkaji semula dasar, undang-undang dan peraturan sedia ada dengan menggubal perundangan serta peraturan baharu selari dengan kedudukan lelaki sebagai wali.

4

Menjalankan penyelidikan mengenai aspek peranan serta tanggungjawab lelaki sebagai pemimpin dan peneraju keluarga bagi menjana pendekatan inovatif dan kreatif dalam penggubalan dasar dan perancangan serta perlaksanaan program yang berkesan.

Menambahbaik pangkalan data sedia ada dengan cara yang lebih komprehensif dalam aspek pengumpulan, penganalisaan dan pengaplikasian data serta maklumat secara sistematis oleh agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan untuk tujuan perancangan, perlaksanaan, pemantauan dan penilaian program.

5

Memperluaskan kolaboratif antara kementerian, agensi-agensi dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) dalam menjayakan inisiatif lelaki qawwam.

6

Memperkuatkan jaringan dan kolaboratif pelbagai pihak bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi keluarga melalui kerjasama dan sinergi antara kementerian, agensi-agensi Kerajaan, badan-badan bukan kerajaan di peringkat nasional dan antarabangsa, dalam menambahkan serta mempelbagaikan peluang dan menggerakkan sumber, maklumat dan kepakaran.

7

# PELAN KOMUNIKASI

## STRATEGI

### Perhubungan Awam

### Kempen Pemasaran Sosial

### Literasi undang-undang

### Komunikasi Pengurusan

### Komunikasi Informasi

## AKTIVITI

- Majlis pelancaran bahan kempen media dan muat naik dokumen Inisiatif Lelaki Qawwam di laman web agensi-agensi berkepentingan
- Public Service Announcement (PSA).

- Majlis pelancaran Inisiatif Lelaki Qawwam Bual Bicara oleh YBM (Hal Ehwal Agama)
- Kempen kesedaran
- Bahan promosi program khas untuk lelaki

- Persidangan Meja Bulat
- Bengkel dan kursus
- Seminar

- Taklimat dan advokasi
- Hebahan maklumat melalui jurucakap
- Libat Urus
- Laporan pelaksanaan aktiviti

- Siaran akhbar (Press release) YBM (HEI)
- Bual bicara
- Wawancara
- Persidangan Meja Bulat
- Hebahan maklumat melalui jurucakap (pendakwah, selebriti, ahli akademik)
- Hebahan di semua saluran media

**Pelan komunikasi diperkenalkan untuk memperluaskan pelaksanaan inisiatif lelaki qawwam secara komprehensif, berstrategi dan berkesan oleh semua pihak bagi mencapai objektif yang ditetapkan.**

### SALURAN

- Siaran langsung di saluran TV
- Secara virtual
- Laman web rasmi Jabatan/ Semua saluran media sosial
- TV dan radio
- Siaraya rakan strategik
  
- Siaran Langsung di saluran TV dan virtual (Forum Perdana Hal Ehwal Islam, WHI, Landskap, Astro Awani)
- Media sosial
- Media elektronik
- Media cetak
- Media digital (video, artikel, iklan, podcasts, digital art)
- Media Luar (Billboard, Komuter, Kenderaan bergerak) Majlis pengiktirafan

- Secara bersemuka
- Virtual

- Secara hibrid
- Media elektronik
- Media cetak
- Media sosial
- Laman web rasmi
- Mesyuarat/taklimat bersama rakan strategik
- Dialog Awam (Town Hall)
- Jangkau Luar (Outreach)
- Pembentangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana PTSI

- Saluran media sosial Agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
- Secara bersemuka
- Media Sosial
- Saluran TV (rarayap), radio (PSA), lembaran fakta dan soal jawab di media sosial

### PENGLIBATAN

- Semua saluran media elektronik dan media sosial
- Kementerian/agensi
- Pertubuhan Bukan kerajaan (NGO)
- Agensi swasta
- Semua stesen TV dan radio
  
- Semua saluran media elektronik dan media sosial
- Kementerian/agensi rakan strategik

- JKSM
- Ahli Akademik

- Kementerian/Agensi
- Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)
- Badan Bukan Kerajaan (NGO)
- Influencer
- UKK setiap kementerian/ Agensi
- Kementerian/Agensi
- Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)
- Badan Bukan Kerajaan (NGO)
- Influencer/Sukarelawan
- JAKIM
- Ahli Jawatankuasa Pelaksana PTSI

- Agensi di bawah YB Menteri Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Islam)



## BAB 5 | MEKANISME PENILAIAN

Mekanisme penilaian secara berterusan terhadap pelaksanaan Inisiatif Lelaki Qawwam akan dilakukan berasaskan program-program yang dirancang di semua peringkat.



## PENUTUP



Inisiatif Lelaki Qawwam merupakan satu program di bawah Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI) 2019-2025 melalui Teras 1; Pengukuhan Institusi Keluarga dan Sosial yang dikelola oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Keberhasilan pelaksanaan inisiatif ini bergantung kepada jaringan kerjasama strategik antara agensi-agensi terlibat secara kolektif dan sistematik bertujuan memperkuatkan institusi keluarga ke arah melahirkan masyarakat yang sejahtera dan harmoni.

## PENGHARGAAN



**MEKANISME PENILAIAN KEBERKESANAN  
INISIATIF LELAKI QAWWAM AKAN  
DILAKUKAN BERASASKAN PROGRAM-  
PROGRAM YANG DILAKUKAN DI  
SEMUA PERINGKAT.**

## NOTA

